

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MAS ERMIEYATI BINTI  
SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 21.5.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil apabila pelajar dikesan melalui ujian urin yang dijalankan di sekolah oleh pihak jabatan pelajaran atau pihak sekolah bagi membendung penagihan dadah berterusan dalam kalangan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin akan perkara ini dan usaha-usaha telah dijalankan untuk membendung penagihan dadah berterusan dalam kalangan murid. Antara langkah yang diambil apabila murid terlibat dengan gejala dadah ialah ibu bapa/penjaga murid berkenaan akan dipanggil oleh pihak sekolah bagi membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil secara bersama-sama untuk membantu murid-murid tersebut. Murid-murid berkenaan akan melalui proses bimbingan dan kaunseling secara berjadual serta melalui program khas bersama-sama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sehinggalah murid-murid tersebut bebas sepenuhnya daripada pengaruh dadah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 60**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemajuan dalam penyiasatan kemalangan Eurocopter AS3655N2 9M-1GB. Apakah pendedahan kotak hitam dan mengapa tidak ada transkrip rakaman yang disiarkan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kotak hitam *Cockpit Voice Flight Data Recorder* (CVFDR) berada dalam keadaan baik semasa dijumpai di lokasi nahas. Data yang diperolehi dari kotak hitam telah memberi petunjuk untuk siasatan dijalankan. Analisis terperinci masih dilakukan dengan bantuan dari pakar-pakar dari pengeluar pesawat Airbus di Marseille, Perancis.

Laporan awal (*Preliminary Report*) telah diserahkan kepada pihak kementerian dan sidang media telah diadakan pada 14 April 2015. Laporan ini telah diterbitkan kepada awam melalui media dan juga telah dimuat naik ke dalam portal Kementerian Pengangkutan pada hari yang sama.

Walau bagaimanapun, siasatan masih lagi dijalankan untuk mencari punca sebenar kemalangan pesawat helikopter ini.